

BULETIN

KOLEJ VOKASIONAL SULTAN ABDUL SAMAD



SEKAPUR SIREH, SEULAS PINANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Publisiti dan Media Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad atas kejayaan menerbitkan Buletin Kolej KVSAS 2025.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang kepada semua warga KVSAS ke sesi baharu tahun 2025. Ucapan terima kasih juga kepada semua warga KVSAS kerana telah melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi tahun 2024 dengan baik dan banyak kejayaan yang telah dicapai.

Tahun 2025 merupakan tahun yang dinanti-nantikan. Tahun ini kita merealisasikan impian membara untuk mencapai misi KVSAS sebagai Centre of Excellence menjadi kenyataan. Kita harus berganding bahu untuk menyokong Dasar TVET Negara 2030 dengan memberi penekanan kepada bidang TVET berikutan permintaan dan keperluan industri modal insan yang berkeupayaan seiring peredaran teknologi pantas ketika ini. Kitalah penggerak dalam membantu memacu kecemerlangan dalam bidang kemahiran ini. Kita memainkan peranan signifikan dalam membangunkan bakat tersedia masa hadapan. Usaha ini dilakukan bagi memastikan negara tidak ketandusan bakat berkualiti untuk merealisasikan agenda besar negara.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama meningkatkan kualiti kerja dengan inovasi dan kreativiti, memperkukuh semangat kerja berpasukan dan mencapai matlamat yang lebih besar untuk tahun 2025. Ingatlah, setiap langkah kecil yang kita ambil pada hari ini adalah pelaburan pada masa akan datang. Dengan usaha yang berterusan, kesungguhan dan sikap positif, kita pasti dapat mengharungi segala cabaran dan mencipta kejayaan yang lebih gemilang.

Akhir kata, teruskan bekerja dengan semangat yang tinggi dan fokus kepada matlamat demi masa depan TVET dan pendidikan negara.

"TOGETHER WE EXCEL"
"MALAYSIA MADANI"

ROSELAWATI BINTI AWANG
Pengarah
Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad



INTERNATIONAL FOOTWEAR DESIGN COMPETITION 2025

25 MAC 2025

Seramai 4 pensyarah dan 15 orang pelajar KVSAS dari program Seni Reka Fesyen telah menyertai pertandingan My Footwear Design Competition MyFDC bagi 2 kategori iaitu Women Shoe dan Men Shoe. Semua peserta telah dipilih untuk mewakili ke peringkat akhir.

Tahniah diucapkan kepada Pn. Siti Aminah binti Mohd Zainuddin (Pensyarah Program Seni Reka Fesyen) kerana telah berjaya memenangi tempat kedua bagi Kategori Ladies Shoe dan membawa pulang wang tunai RM2500.00

Rekaan yang bertemakan 'Hobbit Town' ini diilhamkan daripada movie The Hobbit yang menunjukkan suasana perkampungan yang ceria. Gabungan fabrik terpakai, mainan terpakai dan pokok tiruan diolah dalam bentuk yang kreatif supaya susana semulajadi dapat ditonjolkan dalam rekaan ini.

Rekaan kasut beliau akan dipertandingkan di Guangzhou China di peringkat antarabangsa.

Warga KVSAS amat berbangga dengan pencapaian pensyarah & pelajar yang terlibat. Tahniah sekali lagi diucapkan.





AKTIVITI

13 JAN 2025 - PELANCARAN GERAKAN KEPIMPINAN MADANI TAHUN 2025

21 JAN 2025 - TEMUDUGA PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU SESI AKADEMIK 2025

25&26 JAN 2025 - MAJLIS GRADUASI KOLEJ VOKASIONAL ZON SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2024

25 & 26 JAN 2025 - CARNIVAL SKILLS PROGRAM BAKERI & PASTRI

27 JAN 2025 - PROGRAM TRAINING OF TRAINERS (TOT) PRS PERINGKAT ZON TENGAH

6 FEB 2025 - LAWATAN PENANDA ARAS DARI KOLEJ VOKASIONAL SG PETANI 2 KE JABATAN SENI REKA KVSAS

6 FEB 2025 - LAWATAN KUNJUNG HORMAT DAN PENANDAARASAN BAGI PENENTUSAHAN PBC COPTPA DI KOLEJ VOKASIONAL SG PETANI 1

21 FEB 2025 - TAKLIMAT PENYELENGGARAN LOCK OUT, TAG OUT, TRY OUT TRAINING (LOTOTO)

CARNIVAL SKILLS PROGRAM BAKERI & PASTRI

25 & 26 JAN 2025

Seramai 4 pensyarah dan 15 orang pelajar KVSAS dari program Seni Reka Fesyen telah menyertai pertandingan My Footwear Design Competition MyFDC bagi 2 kategori iaitu Women Shoe dan Men Shoe. Semua peserta telah dipilih untuk mewakili ke peringkat akhir.

Tahniah diucapkan kepada Pn. Siti Aminah binti Mohd Zainuddin (Pensyarah Program Seni Reka Fesyen) kerana telah berjaya memenangi tempat kedua bagi Kategori Ladies Shoe dan membawa pulang wang tunai RM2500.00

Rekaan yang bertemakan 'Hobbit Town' ini diilhamkan daripada movie The Hobbit yang menunjukkan suasana perkampungan yang ceria. Gabungan fabrik terpakai, mainan terpakai dan pokok tiruan diolah dalam bentuk yang kreatif supaya susana semulajadi dapat ditonjolkan dalam rekaan ini.

Rekaan kasut beliau akan dipertandingkan di Guangzhou China di peringkat antarabangsa.

Warga KVSAS amat berbangga dengan pencapaian pensyarah & pelajar yang terlibat. Tahniah sekali lagi diucapkan.





KAMPUNG KEBAYA BATIK FESTIVAL 2.0

27 FEBRUARI 2025

Kampung Kebaya Batik Festival 2.0 adalah anjuran bersama Persatuan Kesenian Malaysia dan Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad.

Program ini telah berlangsung pada:

Tarikh : 23 Februari 2025 (Ahad)
Masa : 10.00 pagi - 3.00 petang
Tempat : KSL Esplanade Mall, Klang

Antara aktiviti yang telah berlangsung adalah:

1. Pertandingan Peragaan Kebaya Batik
2. Pertandingan Solekan bertemakan Sarawak Batik Makeup
3. Pameran, jualan dan perkhidmatan Kosmetologi
4. Pelbagai Jualan Produk School Enterprise (makanan, minuman, dan banyak lagi!)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga KVSAS yang telah menjayakan program ini dengan cemerlang!

Semoga usaha ini membuka mata masyarakat luar tentang TVET; khususnya keberhasilan produk keluaran KVSAS!




KURSUS KNX PROGRAM TEKNOLOGI ELEKTRIK

3-6 MAC 2025

Kursus KNX telah dilaksanakan selama 4 hari khusus untuk pelajar Tahun 2 Diploma Teknologi Elektrik.

Semoga kursus ini dapat menjadi nilai tambah yang berharga kepada para pelajar; pelopor generasi TVET negara di masa hadapan.

Tahniah diucapkan kepada semua pensyarah yang bertungkus lumus menjayakan aspirasi negara ini!.



AKTIVITI

22 & 23 FEB 2025 - KAMPUNG KEBAYA BATIK FESTIVAL 2.0

18-21 FEB 2025 - HARI PENDAFTARAN & MINGGU SERASI PELAJAR BAHARU TAHUN 2025

27 FEB 2025 - LAWATAN PANEL PENILAI PENTAULIAHAN PROGRAM KEMAHIRAN (PPPK) KE PUSAT BERTAULIAH CAWANGAN (PBC) PENTADBIRAN INDUK BPLTV

28 FEB 2025 - MAJLIS PELANCARAN SEMARAK IHYA' RAMADAN 1446H/2025M & CERAMAH MARHABAN YA RAMADAN

3 -6 MAC 2025 - KURSUS PENGENALAN BASIC KNX

5 MAC 2025 - TAKLIMAT WAKAF MADANI

5 MAC 2025 - PILIHANRAYA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

6 MAC 2025 - TAKLIMAT PENILAIAN AKHIR PROGRAM DIPLOMA SEMESTER 4 SESI 2 2025/2025

7 MAC 2025 - PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2025 PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

16 MAC 2025 - MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN ANJURAN SHAFTBURY SQUARE DAN KELAB PERMOTORAN BMW K16 MALAYSIA

20 MAC 2025 - SEMINAR KENEGARAAN MALAYSIA MADANI : BELIA & TVET

20 MAC 2025 - MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT MSU KEPADA PELAJAR KOLEJ MATRIKULASI, KOLEJ VOKASIONAL, KT6 DAN SEKOLAH MENENGAH

23 MAC 2025 - MAJLIS IFTAR DAN SOLAT TERAWIH BERJEMAAH KVSAS 2025



3rd INTERNATIONAL INNOVATION & INVENTION COMPETITION 2025

8-9 MAC 2025

Pensyarah dan pelajar Kosmetologi telah menyertai Pertandingan Inovasi Peringkat Antarabangsa anjuran Malaysia Innovation Invention Creativity Association (MIICA) dan telah merangkul Pingat Emas.

Innovation Category : Lecturer & Student

🏆 GOLD 🏆

AESTHETIC SERVICE CONSULTATION (ASC) BOARD GAME AS A STRATEGIC TOOL FOR COSMETOLOGY STUDENTS

Pensyarah :

1. NADYA NATASYA BINTI NORDIN
2. NOR FARAHIN BINTI JASMI

Pelajar :

1. SARAH BINTI AZLUM
2. NURDINIE ALIYA BINTI KHAIRUL OMAR
3. NURIN NAJIEHAH BINTI SHARIZAN
4. AISYAH BINTI AMIR

Tahniah diucapkan kepada pensyarah dan pelajar yang terlibat.

